

SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

SP 5.1.3 Mengaplikasikan bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras Bahasa dengan betul mengikut konteks

Nota Ekspres
Kata Ganda
1 Kata ganda ialah kata yang digandakan sebahagiannya atau seluruhnya.

Jenis kata ganda	Maksud	Contoh	Ayat lengkap
Kata ganda penuh	Menggandakan keseluruhan kata dasar sama ada mengandungi imbuhan atau tidak.	kerusi-kerusi, masak-masak	Kita harus berfikir masak-masak sebelum membuat keputusan supaya tidak menyesal pada kemudian hari.
Kata ganda penuh berimbuhan	Menggandakan kata dasar yang telah mengalami pengimbuhan.	berbakul-bakul, terngiang-ngiang	Nasihat nenek supaya menghormati orang yang lebih tua masih terngiang-ngiang di telinga meskipun nenek sudah meninggal dunia setahun yang lalu.
Kata ganda separa	Menggandakan sebahagian kata dasar sahaja.	jejari, gelang, pepohon, lelaki, kekisi	Kekisi tingkap yang dipenuhi habuk menyebabkan tingkap itu sukar digerakkan ke atas.
Kata ganda berentak	Menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar tersebut.	riuh-rendah, lauk-pauk, warna-warni, lintang-pukang	Kanak-kanak yang bermain di taman permainan lari lintang-pukang apabila seekor anjing menuju ke arah mereka.
Kata ganda majmuk	Melibatkan penggandaan unsur pertama sahaja.	guru-guru besar, surat-surat khabar	Guru-guru besar perlu menjalankan tugas sepertimana yang telah diamanahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Akronim
1 Akronim tergolong dalam kata tunggal.
2 Kata singkatan yang terbentuk daripada gabungan huruf awal suku kata atau gabungan huruf awal suku kata dengan suku kata daripada satu rangkaian kata.
3 Hasil gabungan ini menjadi satu perkataan yang utuh. Terdapat empat jenis akronim, iaitu:

Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf awal perkataan. Contoh: • awas – anda waspada anda selamat • LUTH – Lembaga Urusan Tabung Haji	Akronim yang terbentuk daripada cantuman suku kata awal perkataan. Contoh: • kugiran – kumpulan gitar rancak • cerpen – cerita pendek
Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf dan suku kata perkataan. Contoh: • Proton – Perusahaan Otomobil Nasional • cikgu – encik guru	Akronim yang terbentuk daripada cantuman awal perkataan pertama dengan bahagian lain perkataan yang mengikutinya. Contoh: • hartanah – harta tanah • jertolak – jentera tolak • jenama – jenis nama • asbut – asap kabut

LATIHAN

- (A) Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata ganda**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Figura yang amat sinonim dengan bidang masakan, Cef Zam sering muncul di kaca-kaca televisyen, surat-surat khabar, majalah dan di setiap platform media sosial. Kisah kejayaan Cef Zam telah memberikan satu pencerahan tentang kebenaran pepatah Melayu, iaitu usaha tangga kejayaan. Hal ini terbukti apabila beliau berjaya mendapat keputusan yang agak cemerlang dan berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi. Selepas tamat belajar, beliau pernah bekerja di hotel-hotel sekali gus pengalaman tersebut banyak membantunya mengendalikan kerja dalam bidang masakan dan perhotelan. Lebih manis, beliau juga pernah terpilih sebagai duta produk-produk jenama tempatan dan antarabangsa. Moto hidupnya ialah kita perlu bekerja keras untuk mencapai kejayaan dan kegagalan pertama tidak bermakna gagal untuk selama-lamanya. Beliau juga mengingatkan pembaca agar menghormati kedua-dua ibu bapa kerana merekalah kunci kejayaan anak-anak

Dipetik dan diubah suai daripada Sering Gagal dan
Dibuli Mangkin Kejayaan Chef Zam, Dewan Siswa,

Kata ganda	Contoh ayat
1.	
2.	
3.	

- (B) Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **tiga kata akronim**. Kemudian, anda dikehendakimembina **satu ayat anda sendiri** daripada perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

Kekangan mengadakan Hari Guru 2020 melalui acara di sekolah bukan penghalang untuk warga SMK Cheras Jaya meraikannya menerusi aplikasi Google Meet. Sambutan itu bertujuan menunjukkan penghargaan kepada para guru. Pelbagai acara dirancang dengan rapi dan dipersembahkan secara dalam talian oleh pelajar, antaranya persembahan kugiran, deklamasi puisi, pertandingan menulis cerpen dan sesi ucapan. Warga sekolah turut meraikan seorang guru yang akan bersara, iaitu Cikgu Rodziah Mohd Salleh.

Dipetik dan diubah suai daripada Sambutan Hari Guru Meriah Walau secara Maya, oleh Faizatul Farhana Farush Khan, Berita Harian Online, Bil.05/2020

AKRONIM	CONTOH AYAT
i.	
ii.	
iii.	